



YB. SOON LIP CHEE
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT SOON LIP CHEE
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG
PADA 9 MEI 2021**

**SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DALAM KAWASAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI PULAU PINANG MULAI 10 MEI 2021 HINGGA 23
MEI 2021**

Menteri Kanan Pertahanan pada 8 Mei 2021 telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan di negeri Pulau Pinang yang melibatkan Daerah Timur Laut (DTL), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS), Mukim 12 Barat Daya, Bandar Butterworth di Seberang Perai Utara dan Mukim 14 di Seberang Perai Utara mulai 10 Mei 2021 hingga 23 Mei 2021.

Dengan pelaksanaan PKP di daerah dan mukim berikut, pergerakan rentas negeri dan daerah adalah tidak dibenarkan. Begitu juga pergerakan antara 3 mukim yang dilaksanakan PKP ini tidak dibenarkan.

Susulan pengumuman tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Merujuk kepada SOP Am Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang oleh MKN, Kenyataan Media Menteri Kanan Pertahanan mengenai PKP pada 8 Mei 2021 dan Kenyataan Media berkenaan Kelonggaran Aktiviti Sukan dan Rekreasi dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di Kawasan PKP Bermula 7 Mei 2021 oleh KBS pada 7 Mei 2021, SOP sektor sukan dan rekreasi di kawasan PKP Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang dibenarkan di kawasan PKP di Negeri Pulau Pinang:

1. Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal TERHAD kepada jogging, berbasikal dan senaman sahaja dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter dan dilakukan di kawasan kejiranan atau mana-mana kawasan dalam daerah yang sama tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuatkuasa bagi tujuan kesihatan adalah dibenarkan. Sehubungan dengan itu, orang awam boleh menjalankan aktiviti jogging, berbasikal dan senaman di kawasan taman kejiranan. Walau bagaimanapun, aktiviti secara berkumpulan tersebut adalah TIDAK dibenarkan.
2. Program latihan berpusat secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) menggunakan konsep Camp Based Training;
3. Program Latihan berpusat secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam MFL menggunakan model GELEMBUNG SUKAN (Home/Camp Based Training);
4. Penganjuran kejohanan / pertandingan / perlawanan persahabatan mengikut model GELEMBUNG SUKAN adalah TERHAD bagi penganjuran Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) sahaja TANPA kehadiran penonton; dan
5. Penyertaan pemain / peserta / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan / pertandingan di luar negara DENGAN sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pembukaan taman-taman rekreasi di bawah seliaan PBT dan fasiliti / premis sukan di kawasan PKP di Negeri Pulau Pinang:

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil maklum akan pertanyaan orang awam berhubung pembukaan taman-taman rekreasi dan fasiliti / premis sukan di negeri Pulau Pinang untuk tujuan aktiviti sukan dan rekreasi.

Berlandaskan pengumuman terkini oleh pihak MKN dan KBS, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa Taman Bandaraya, Taman Metropolitan Relau dan Taman Jajar di bawah seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Taman Botani di bawah seliaan Jabatan Taman Botani adalah DIBUKA untuk masyarakat tempatan menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

Namun, taman-taman rekreasi dan kemudahan sukan lain di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang di kawasan PKP adalah TIDAK dibenarkan pembukaannya (kecuali Dewan yang digunakan untuk program vaksinasi Covid19) dalam tempoh PKP.

Taman-taman rekreasi dan kemudahan sukan seperti di bawah adalah DITUTUP dalam tempoh PKP:

DTL

- Kompleks Sukan Relau
- Balai Rakyat Taman Sri Pinang
- Balai Rakyat Tg Bunga
- Balai Rakyat Jalan Patani
- Balai Rakyat Batu Lancang
- Stadium Bandaraya
- Padang Polo
- Padang Dato Keramat

SPT

- Kompleks Sukan Jalan Betek
- Sony Kompleks
- Taman Rekreasi PBAPP Bukit DO
- Taman Rekreasi Bukit Indah
- Upcycle Park, Bandar Perda
- Kolam Tekoma, Bandar Perda
- Taman Tunku, Seberang Jaya
- Taman Rekreasi Semilang, Seberang Jaya
- Taman Komuniti, Bandar Perda
- Eko Koridor MBSP, Bandar Perda
- Taman 1 baby 1 tree, Bandar Perda
- People Aquarium, Bandar Perda
- Taman Kimsar

SPS

- Stadium Negeri, Batu Kawan
- Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Nibong Tebal
- Taman Rekreasi Kg Sanglang
- Taman Kejiranan Awam Valdor

Mukim 12 DBD

- Balai Rakyat Bayan Baru

Mukim 14 SPU

- Taman Tugu Kota Demokrasi

Bandar Butterworth SPU

- Dewan Dato Haji Ahmad Badawi
- Taman Pantai
- Anjung Bagan

Untuk makluman, empangan dan taman-taman di bawah seliaan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) juga adalah DITUTUP dari 10 Mei 2021 sehingga 23 Mei 2021. Empangan dan taman-taman tersebut merangkumi Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang, Empangan Mengkuang, dan Taman Rekreasi Bukit Dumar.

Merujuk kepada SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi PKP oleh MKN pada 6 Mei 2021 dan Kenyataan Media berkenaan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi di Kawasan PKP Bermula 7 Mei 2021 oleh KBS pada 6 Mei 2021, pengoperasian fasiliti / premis sukan dan rekreasi hanya TERHAD bagi urusan pengurusan dan penyelenggaraan sahaja. Segala aktiviti sukan indoor adalah TIDAK dibenarkan termasuk pusat gim, pusat badminton dan sebagainya.

Aktiviti Sukan dan Rekreasi yang Dilarang di kawasan PKP di Negeri Pulau Pinang:

1. Kehadiran penonton / penyokong ke stadium / venue sukan dan rekreasi; dan
2. Penyertaan pemain / peserta / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan / pertandingan di luar negara TANPA sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Walaubagaimanapun pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mematuhi pengumuman berkenaan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang dibuat oleh pihak MKN dan KBS dari semasa ke semasa agar masyarakat awam dapat bersukan dalam keadaan yang selamat.

Meskipun kelonggaran telah diberikan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi, namun orang awam diingatkan untuk sentiasa mematuhi penjarakan sosial dan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi memastikan kebersihan dan keselamatan diri sendiri senantiasa terjamin. Penang Lawan Covid-19!

SOON LIP CHEE

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG